

**ISU KEGANASAN RUMAH TANGGA: KONFLIK
KEWANGAN & KESEJAHTERAAN WANITA**

**DISEDIAKAN OLEH:
ABDUL RAZAK ABD MANAF
ZARINA MAT SAAD
SITI ZUBAIDAH OTHMAN
ANNUAR ASWAN MOHD NOOR**

Ringkasan Eksekutif

Objektif utama kajian ini adalah untuk memahami aspek ekonomi dan kewangan dalam kegunaan rumah tangga daripada perspektif wanita yang terlibat dengan kegunaan rumah tangga. Bagimerungkai isu-isu ekonomi dan kewangan ini, maklumat daripada mangsa kegunaan rumah tangga dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diperolehi menerusi pendekatan kuantitatif, menggunakan borang soal selidik dalam bentuk google form dan juga pendekatan kualitatif berdasarkan temuduga dan perbincangan kumpulan berfokus. Bagi tujuan ini, pra ujian soal selidik telah dilaksanakan bagi memastikan instrumen kajian ini yang telah diubah suai daripada literatur terdahulu dan kontemporari menepati tujuan kajian. Protokol temubual dan perbincangan kumpulan berfokus (FGD) juga telah dibangunkan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan mendalam daripada responden kajian. Sejumlah 61 orang responden telah terlibat dalam soal selidik di mana hanya 57 jawapan telah memenuhi kriteria kajian untuk analisis selanjutnya. Selain itu, seramai 15 orang kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah turut serta dalam sesi temubual dan perbincangan kumpulan berfokus. Hasil dapatan kajian kuantitatif memerihalkan analisis deskriptif dan cross-tabulation. Dapatan kajian mendapati majoriti mangsa berumur antara 30-39 tahun, wanita, berkahwin tetapi masih bersama pendera, dan usia perkahwinan antara 1-15 tahun. Kebanyakan mereka mempunyai tahap pendidikan yang baik, mempunyai anak antara 1-4 orang, kebanyakannya tidak pernah memohon bantuan dan mereka ini bekerja sepenuh masa. Kebanyakan responden pernah didera tetapi tidak melaporkannya kepada pihak berkuasa. Antara sebab-sebabnya ialah takut, tiada kekuatan diri dan malu. Majoriti pendera adalah pasangan. Kajian turut meneliti isu-isu kewangan yang menyumbang kepada kegunaan rumah tangga. Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mengalami penderaan kewangan pada tahap rendah manakala dari segi pengetahuan kewangan dan efikasi sendiri, adalah berada pada tahap sederhana. Sikap pengurusan kewangan responden berada pada tahap tinggi. Namun begitu, responden melaporkan tekanan kewangan pada tahap sederhana.

Dapatan kualitatif pula mengenal pasti 7 isu hasil daripada temu bual dan perbincangan kumpulan berfokus yang telah dilaksanakan. Isu-isu tersebut meliputi bentuk-bentuk kegunaan rumah tangga yang dihadapi oleh mangsa, bentuk perkhidmatan yang disediakan oleh pihak JKM terhadap mangsa kegunaan rumah tangga terutamanya berkaitan kewangan, isu kewangan yang sering dihadapi oleh mangsa, bantuan atau perkhidmatan yang mangsa sering mohon daripada pihak JKM, permasalahan yang dihadapi oleh pihak JKM dalam penyampaian perkhidmatan di Malaysia berkaitan dengan mangsa kegunaan rumah tangga, dan pandangan serta cadangan penambahbaikan berkaitan dasar/perundangan/program kegunaan rumah tangga. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, beberapa cadangan dan penambahbaikan telah dibincangkan untuk memperkasa kesejahteraan mangsa kegunaan rumah tangga terutama dalam konteks kelestarian ekonomi dan kewangan mereka.